

21 MAR 1996

Mesir

HUBUNGAN M'SIA-MESIR MASUK ERA BARU

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Mesir mahu mengukuhkan hubungan lebih erat dengan Malaysia dalam bidang perdagangan dan pelaburan yang setakat ini belum diberi perhatian sewajarnya.

Hasrat oleh Presiden Mesir Hosni Mubarak ini disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Menteri Luar Mesir Amre Moussa yang mengunjungi Perdana Menteri di sini hari ini.

"Malaysia dan Mesir kini di ambang era baru dalam hubungan kita," kata Mousa selepas kunjungan itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Katanya pertemuan di pelbagai peringkat akan dipertingkatkan khususnya setelah suruhanjaya bersama Malaysia-Mesir dihidupkan semula. Suruhanjaya itu akan mengadakan mesyuarat peringkat menteri di Kaherah lewat tahun ini.

Dr Mahathir telah diundang untuk melawat Mesir dan Perdana Menteri turut mengundang Presiden Mubarak untuk melawat Malaysia.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Dr Mahathir dan Moussa telah membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama seperti Kumpulan Negara-negara Membangun (G-15), Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan imej umat Islam di peringkat dunia.

"Perdana Menteri berkata imej umat Islam tidak begitu menggembirakan kerana ia sering dikaitkan dengan keganasan dan amalan melampau," katanya.

Dr Mahathir memberitahu Moussa bahawa setiap Muslim bertanggungjawab membetulkan keadaan sedemikian.

Moussa mengakhiri lawatan tiga harinya ke Malaysia hari ini. -- BERNAMA
MAM MAI